

PERBEZAAN ANTARA AMIL SYAR'I DAN EJEN WAKALAH DALAM PENGURUSAN ZAKAT

Oleh :
Jabatan Mufti Negeri Perak

Pendahuluan

Asnaf zakat merujuk kepada lapan golongan yang berhak menerima zakat sebagaimana ditetapkan dalam al-Quran khususnya dalam Surah al-Taubah ayat 60 Allah SWT berfirman:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ
وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Hanyasanya zakat itu adalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah, dan orang-orang musafir yang terputus bekalan dalam perjalanan. Ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan yang datang dari Allah. Dan Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana. (Surah al-Taubah : 60)

Ayat di atas menetapkan bahawa terdapat 8 golongan yang berhak menerima zakat iaitu:

1. Orang fakir.
2. Orang miskin.
3. Para amil yang berurusan dengan zakat.
4. Orang yang dilembutkan hati mereka (kerana baru memeluk islam yang disebut sebagai muallaf).
5. Hamba sahaya yang sedang berikhtiar untuk menebus dirinya untuk menjadi orang yang merdeka.
6. Orang yang mempunyai hutang, yang disebut sebagai Gharimin.
7. Orang yang berperang untuk agama Allah SWT (tanpa gaji dari pemerintah).
8. Musafir yang kehabisan bekal dalam perjalanan yang disebut sebagai Ibnu Sabil.

Daripada lapan asnaf yang disebutkan, perhatian akan diberikan secara khusus kepada golongan ketiga iaitu para amil.

Definisi Amil Zakat

Imam Ibn Qasim al-Ghazzi (W.918H) dalam *Fath al-Qarib al-Mujib* mendefinisikan amil sebagai:

والعامل من استعمله الإمام على أخذ الصدقات ودفعها لمستحقيها.

“Yang dimaksudkan dengan ‘amil’ ialah orang yang dilantik oleh Pemerintah untuk mengambil zakat serta mengagihkannya kepada golongan yang berhak menerimanya¹.”

Perlu ditegaskan bahawa tidak semua individu boleh bertindak sebagai amil zakat sesuka hati. Pelantikan sebagai amil hendaklah melalui pentauliahn yang sah daripada pihak Pemerintah/Ulil Amri/Kerajaan (yang dalam konteks Malaysia ialah Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah bagi Negeri tersebut). Tanpa pelantikan tersebut, seseorang tidak mempunyai kelayakan untuk menjalankan tugas sebagai amil zakat. Berkenaan isu ini Imam Ibnu Hazm (W.456H) menjelaskan serta menuliskan ijmak para ulama berkaitannya dengan berkata:

وقد اتفقت الأمة على أنه ليس كل من قال: أنا عامل عاملاً. فكل من عمل من غير أن يوليه الإمام الواجبة طاعته فليس من العاملين عليها؛ ولا يجزئ دفع الصدقة إليه.

“Dan umat telah bersepakat bahawa bukan setiap orang yang mendakwa dirinya sebagai ‘amil’ dianggap benar-benar sebagai amil. Maka, sesiapa yang menjalankan tugas tanpa pelantikan daripada pemerintah yang wajib ditaati, dia tidak termasuk dalam kalangan amil zakat; dan tidak sah menyerahkan zakat kepadanya².”

Sekiranya seseorang dilantik secara rasmi oleh pihak berkuasa agama dengan perkenan DYMM Raja Pemerinah bagi melaksanakan urusan zakat, maka beliau boleh dianggap sebagai amil. Walau bagaimanapun, individu atau institusi yang diberi kuasa sebagai pemegang akad wakalah tidak secara automatik berstatus sebagai amil sebaliknya hanya melaksanakan agihan zakat selaras dengan syarat-syarat yang ditetapkan serta tertakluk kepada kewajipan pelaporan kepada pihak berkuasa yang melantik.

Dalam konteks Negeri Perak Darul Ridzuan, mengikut Peraturan – Peraturan Zakat dan Fitrah Negeri Perak 2024, tafsiran amil ertinya orang yang diberi tauliah untuk menjalankan mana-mana satu atau gabungan tugas-tugas memungut, menerima, mengagih atau menguruskan zakat dan fitrah.

Sebagai sebahagian daripada sistem pengurusan zakat di bawah pentadbiran Majlis, pegawai-pegawai yang melaksanakan fungsi pentadbiran, kewangan, operasi, pengurusan kutipan dan agihan zakat serta aspek digitalisasi dan teknologi maklumat yang menyokong kecekapan pengurusan zakat adalah layak menerima imbuhan

termasuk gaji, elaun serta perbelanjaan pengurusan dan operasi yang berkaitan, sebagaimana yang ditetapkan dan diluluskan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Dari sudut hukum syarak, amil termasuk dalam golongan asnaf sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah al-Taubah ayat 60 dan berhak menerima bahagian daripada zakat. Walau bagaimanapun, al-Quran tidak menetapkan kadar tertentu bagi bahagian amil. Kadar bayaran kepada amil ditentukan berdasarkan prinsip *ujrah mithl* iaitu upah yang setimpal dengan tanggungjawab, beban tugas dan skop kerja yang dilaksanakan tertakluk kepada dasar dan ketetapan pihak berkuasa agama negeri. Apa-apa kadar yang diluluskan merupakan garis panduan pentadbiran dan ijtihad semasa dan bukannya ketetapan nas syarak yang bersifat tetap.

Mengikut tafsiran Peraturan 18, setiap amil yang menjalankan tugas-tugasnya hendaklah dibayar berpandukan bahagian amil mengikut ketetapan Majlis atas syor Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak. Dalam hal penetapan agihan zakat, semua tatacara pengagihan hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa, termasuk peruntukan bajet perbelanjaan bagi setiap bahagian asnaf termasuk bahagian amil yang ditetapkan oleh Majlis.

Adapun penyerahan zakat kepada mana-mana pihak yang tidak diberikuasa untuk memungut zakat maka ia merupakan kesalahan jenayah Syariah di bawah seksyen 40 dan seksyen 41 Enakmen Jenayah Syariah 1992 Negeri Perak yang menyatakan sebagai berikut:

Seksyen 40. Sesiapa dengan sengaja membayar atau menyebabkan supaya dibayar zakat atau fitrah kepada mana-mana orang yang tidak diberikuasa untuk memungut zakat atau fitrah adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Seksyen 41. Sesiapa yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan zakat atau fitrah dipungut tanpa diberikuasa yang sah, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Mahkamah hendaklah memerintah pungutan itu dirampas dan diserahkan kepada Baitulmal³.

Definisi Ejen atau Wakil Zakat (Wakalah Zakat)

Dalam aspek agihan zakat, mengikut Peraturan 41, Majlis boleh melantik mana-mana individu sebagai wakil agihan zakat untuk mengagihkan zakat kepada asnaf yang berkelayakan. Wakil tersebut adalah bukan amil dan tidak termasuk dalam kategori asnaf *'amilin 'alayha*, kecuali jika dilantik secara rasmi sebagai amil oleh pihak berautoriti.

Wakalah zakat dalam konteks ini merujuk kepada pelantikan seseorang individu atau entiti untuk bertindak sebagai wakil bagi pihak Majlis khusus dalam urusan agihan zakat sahaja iaitu menyalurkan zakat kepada asnaf yang berhak.

Ejen pula dalam Peraturan 20 yang ditafsirkan sebagai ejen pungutan zakat adalah kategori berasingan iaitu mana-mana orang boleh dilantik oleh Majlis bagi melaksanakan perkhidmatan pungutan zakat dan ia tidak termasuk dalam konsep wakalah agihan serta juga bukan amil.

Adakah Ejen Atau Wakil Zakat Yang Tidak Bertauliah Berhak Menerima Zakat?

Secara prinsipnya, **ejen atau wakil zakat yang tidak mendapatkan tauliah dari pihak berautoriti daerah ia beroperasi** adalah **tidak** tergolong sebagai asnaf zakat yang layak menerima zakat berdasarkan Surah al-Taubah ayat 60 yang menyenaraikan lapan golongan asnaf secara eksklusif melalui lafaz *innamā* yang menunjukkan makna pembatasan (*al-hasr*). Oleh itu, mereka tidak berhak menerima zakat sebagai penerima manfaat zakat.

Dalam Peraturan Zakat, terdapat pengasingan yang jelas antara ejen pungutan dan wakil agihan zakat. Ejen pungutan ialah individu atau entiti yang dilantik oleh Majlis untuk menyediakan perkhidmatan tertentu sahaja seperti pungutan zakat. Wakil agihan zakat pula ialah individu atau pihak yang dilantik oleh Majlis untuk melaksanakan agihan zakat kepada asnaf yang berkelayakan.

Kedua-dua kategori ini adalah bukan amil dan tidak termasuk dalam *asnaf ‘amilin ‘alayha*, melainkan jika dilantik secara khusus sebagai amil oleh pihak berautoriti. Namun begitu, sekiranya seseorang itu dilantik secara sah sebagai **amil zakat oleh pihak berautoriti**, maka beliau termasuk dalam kategori *asnaf ‘amilin ‘alayha* dan berhak menerima bahagian zakat sebagai imbuhan atas tugas pengurusan zakat yang dilaksanakan.

Bagi menegaskan **larangan ejen yang tidak bertauliah** daripada mengambil bahagian dari zakat, ia merujuk kepada kalam Imam al-Syafie (W.204H) dalam *al-Umm*:

وليس لأحد أن يقسمها على غير ما قسمها الله عز وجل عليه ذلك ما كانت الأصناف موجودة.

“Tidak dibolehkan bagi sesiapa pun untuk membahagikan zakat kepada selain daripada golongan yang telah ditentukan oleh Allah SWT, selagi mana golongan-golongan asnaf tersebut masih wujud⁴.”

Perkara yang sama juga ditegaskan oleh ‘Allamah Abu Bakar Syata al-Dimyati (W.1310H) dalam *l’annah al-Talibin* yang berkata:

قد علم من الحصر يائما، أنها لا تصرف لغيرهم، وهو مجمع عليه.

“Telah diketahui daripada pembatasan (al-hasr) dengan lafaz innamā bahawa zakat itu tidak boleh disalurkan kepada selain daripada golongan tersebut, dan perkara ini telah disepakati dan merupakan ijmak oleh para ulama⁵.”

Berdasarkan pandangan yang dihuraikan oleh ‘Allamah Abu Bakar Syata al-Dimyati, terdapat kesepakatan dalam kalangan ulama bahawa selain daripada lapan golongan yang disebutkan dalam al-Quran, mereka tidak berhak menerima zakat walaupun dalam jumlah yang sedikit.

Berkenaan secara khusus persoalan sama ada ejen atau wakil turut layak menerima bahagian daripada zakat, Imam al-Nawawi (W.676H) berkata:

قال الشافعي والأصحاب رحمهم الله: إن كان مُفَرَّقَ الزكاة هو المالك أو وكيله؛ سقط نصيب العامل ووجب صرفها إلى الأصناف السبعة الباقين.

“Imam Muhammad ibn Idris al-Syafie dan para ashabnya – moga Allah rahmati mereka - berkata: Jika yang mengagihkan zakat itu ialah pemilik harta atau wakilnya, maka gugurlah bahagian untuk amil dan wajib disalurkan kepada tujuh golongan yang berbaki⁶.”

Ini bukan suatu pandangan yang khusus kepada mazhab al-Syafie sahaja bahkan ulama dari mazhab lain juga berkongsi pandangan yang sama. Kata ‘Allamah Mansur Bin Yunus al-Buhuti al-Hanbali (W.1051H) dalam *Kasyyaf al-Qina*:

وليس لرب المال ولا لوكيله في تفرقتها أخذ نصيب العامل لكونه فعل وظيفة العامل على الزكاة؛ لأن أداؤها واجب عليه، فلا يأخذ في مقابلته عوضا؛ ولأنه لا يسمى عاملا.

“Tidak dibolehkan bagi pemilik harta mahupun wakilnya ketika mengagihkan zakat untuk mengambil bahagian amil atas alasan mereka telah melaksanakan tugas amil dalam urusan zakat. Hal ini kerana menunaikan zakat merupakan kewajipan ke atasnya, maka tidak boleh diambil sebarang imbuhan sebagai balasannya. Tambahan pula, mereka tidak dianggap sebagai amil⁷.”

Begitu juga dalam mazhab Maliki seperti yang diterangkan oleh Allamah Muhammad Bin Muhammad bin Salim al-Majlisi al-Maliki (W.1302H) dalam *Lawami’ al-Durar*:

وأما تخصيص النائب قريب نفسه فالظاهر أنه ممنوع لأنه خلاف ما استنابه عليه، بخلاف إعطائه شيئا أو أخذه هو منها بوصف الفقر.

“Adapun jika wakil itu mengkhususkan kerabatnya sendiri dalam pengagihan zakat, maka zahirnya hal itu adalah tidak dibenarkan kerana ia menyelisih tujuan pelantikan wakil tersebut. Berbeza halnya jika dia memberikan sedikit daripadanya atau mengambil daripadanya untuk dirinya sendiri atas dasar kefakiran.⁸”

Penting untuk diperhatikan bahawa seseorang wakil zakat yang tiada tauliah tidak berhak menerima atau mengambil zakat semata-mata atas dasar peranannya sebagai wakil. Wakil hanya berperanan menyalurkan zakat kepada penerima yang sah sekiranya mereka termasuk dalam kalangan lapan asnaf yang telah ditetapkan dalam syarak.

Sekiranya wakil atau mana-mana pihak yang terlibat tidak tergolong dalam mana-mana asnaf yang sah, maka tidak harus baginya memanfaatkan atau mengambil zakat tersebut.

Menurut perbincangan fiqh, para ulama daripada pelbagai mazhab sepakat bahawa zakat hanya boleh diberikan kepada lapan golongan asnaf yang dinyatakan dalam al-Quran. Oleh itu, kelayakan menerima zakat adalah berdasarkan status sebagai asnaf, dan bukan semata-mata kerana pelantikan sebagai wakil dalam urusan zakat. Kata al-Allamah Muhammad Ala'uddin al-Hanafi (W.1206H):

للوكيل أن يدفع لولده الفقير إذا لم يأمره بالدفع إلى معين... ويدفع إلى زوجته الفقيرة أيضا لا لنفسه.

“Seorang wakil dibenarkan memberikan zakat kepada anaknya yang fakir sekiranya dia tidak diarahkan untuk menyerahkannya kepada individu tertentu. Dia juga boleh memberikannya kepada isterinya yang fakir, akan tetapi tidak kepada dirinya sendiri⁹.”

Jelas bahawa di sisi mazhab Hanafi bahawa ejen atau wakil zakat hanya boleh memberi zakat kepada anak atau isteri sekiranya mereka mempunyai sifat *al-faqr* (kefakiran) dan termasuk dalam asnaf yang layak menerima zakat. Adapun jika mereka tidak mempunyai sifat *al-faqr* tersebut maka mereka tidak layak menerima zakat. Walau bagaimanapun, hal ini tidak menafikan bahawa dari sudut asal hukum, nafkah terhadap anak dan isteri yang berada di bawah tanggungan adalah tuntutan wajib yang mesti ditunaikan melalui harta sendiri dan bukannya melalui zakat, kecuali dalam keadaan yang diiktiraf syarak.

NGO Tidak Bertauliah Bukan Asnaf Yang Layak Menerima Zakat

Antara kekeliruan yang sering timbul dalam isu pengurusan zakat juga adalah penyerahan zakat kepada **NGO tidak bertauliah** bahkan penglibatan NGO yang tidak dilantik oleh pihak berautoriti dalam pengurusan dan pembahagian harta zakat. Berkenaan hal ini berkata Sheikh Wahbah al-Zuhayli (W.1436H) berkenaan isu ini:

أن دفع الزكاة للجمعيات يجب إيصالها بأعيانها للمستحقين، ولا يجوز للقائمين على الجمعيات أن يشتروا بأموال الزكاة أغذية أو ألبسة ونحوها يقدمونها للفقراء، لأنهم لم يوكلوهم في هذا، كما لا يجوز للجمعيات المعاهد العلمية الشرعية شراء شيء كالكتب وغيرها من أموال الزكاة، وعلى إدارة الجمعيات أن يحصلوا على تفويض أو توكيل من طلاب العلم، بصرف أموال الزكاة على حوائجهم من طعام وشراب وكتب وأوراق ونحو ذلك، لأن تملك الزكاة للمستحقين شرط أساسي، ثم يتصرف المستحق بما يحقق مصلحته. ولا يجوز للجمعية أن تقوم بنفسها ببناء مبان أو معامل من أموال الزكاة لصرف ريعها على المستحقين إذ لا وكالة لدى الجمعية من المستحقين في هذا.

“Bahawa pembayaran zakat kepada persatuan hendaklah disampaikan dalam bentuk asalnya kepada para penerima yang berhak, dan tidak harus bagi pihak pengurusan persatuan untuk membeli dengan wang zakat itu bahan makanan atau pakaian dan seumpamanya untuk diberikan kepada fakir miskin, kerana para pembayar zakat tidak melantik mereka (persatuan) sebagai wakil dalam urusan tersebut. Begitu juga tidak harus bagi persatuan institusi pengajian ilmu syarie membeli sesuatu seperti buku dan selainnya dengan wang zakat. Pihak pengurusan persatuan hendaklah mendapatkan kebenaran atau surat wakil (tawkil) daripada para penuntut ilmu, untuk membelanjakan wang zakat ke atas keperluan mereka seperti makanan, minuman, buku, kertas dan seumpamanya, kerana pemilikan zakat oleh golongan yang berhak merupakan syarat asas, kemudian barulah penerima zakat itu menguruskan (harta tersebut) mengikut apa yang merealisasikan maslahat (kebaikan) dirinya. Tidak harus bagi mana-mana persatuan untuk membina sendiri bangunan atau kilang dengan wang zakat bagi menjadikan hasil (sewaan atau keuntungannya) disalurkan kepada para penerima zakat, kerana persatuan tidak mempunyai sebarang kuasa wakil daripada para penerima zakat dalam perkara ini¹⁰”.

Perbezaan Antara Amil Zakat Dan Ejen Atau Wakil Zakat

Terdapat perbezaan penting di antara amil zakat dan ejen atau wakil zakat yang perlu diberi perhatian¹¹. Amil zakat berstatus sebagai wakil yang berhak mendapatkan zakat kerana mendapat mandat dari DYMM Raja Pemerintah, maka apabila berlaku penyelewengan dalam pengurusan zakat, kewajipan zakat bagi muzakki dianggap telah gugur hanya dengan menyerahkannya kepada amil tersebut. Berbeza dengan ejen (tidak bertauliah) yang berstatus sebagai hanya wakil kepada pemberi zakat (sekiranya wakalahnya sah), jika berlaku penyelewengan dalam pengurusan zakat, atau mengambil komisyen dari harta zakat, maka kewajipan zakat bagi pemilik harta masih belum gugur. Berkaitan hal ini berkata Imam al-Nawawi:

قال أصحابنا تفريقه بنفسه أفضل من التوكيل بلا خلاف لأنه على ثقة من تفريقه بخلاف الوكيل وعلى تقدير خيانة الوكيل لا يسقط الفرض عن المالك لأن يده كيده فما لم يصل المال إلى المستحقين لا تبرأ ذمة المالك بخلاف دفعها إلى الإمام فإنه بمجرد قبضه تسقط الزكاة عن المالك.

“Para ulama dalam kalangan mazhab kami berkata bahawa membahagikan zakat sendiri adalah lebih utama daripada mewakilkannya kepada orang lain tanpa sebarang khilaf. Hal ini kerana seseorang lebih yakin terhadap pengagihan yang dilakukannya sendiri berbanding melalui wakil. Sekiranya berlaku pengkhianatan oleh wakil, kewajipan zakat tidak gugur daripada pemilik harta, kerana tangan wakil dianggap seperti tangannya sendiri. Maka selagi harta tersebut belum sampai kepada golongan yang berhak, tanggungan pemilik belum terlepas. Berbeza dengan penyerahan kepada Pemerintah, kerana dengan sekadar penerimaannya terhadap zakat sahaja, kewajipan zakat telah gugur daripada pemilik harta¹².”

Oleh itu, semua pihak yang terlibat dalam pengurusan zakat hendaklah sentiasa berhati-hati dalam berurusan dengannya, kerana ia merupakan amanah dan tanggungjawab yang besar di sisi Allah SWT. Perlu diingat bahawa pengkhianatan dalam urusan harta zakat termasuk dalam kategori dosa besar, sebagaimana yang dinyatakan oleh Ibn Hajar al-Haytami¹³ (W.974H) dan para ulama yang lain.

Tarikh : 5 Mei 2026

No Siri : 8/2026

¹ Fath al-Qarib al-Mujib, 133. Dar Ibn Hazm.

² al-Muhalla Bi al-Athar, (273/4). Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

³ Enakmen Jenayah Syariah 1992 Negeri Perak

⁴ al-Umm, (77/2). Dar al-Fikr.

⁵ I’anah al-Talibin Ala Hall Alfaz Fath al-Mu’in, (211/2). Dar al-Fikr.

⁶ al-Majmuk Syarh al-Muhazzab, (185/6). Cetakan al-Muniriah.

⁷ Kasyaf al-Qina’ An Matn al-Iqna’, (288/2). Maktabah al-Nasr al-Hadisah.

⁸ Lawami’ al-Durar Fi Hatk Astar al-Mukhtasar, (555/3). Dar al-Ridhwan.

⁹ al-Hadiyyah al-Ala’iyyah Fi al-Fiqh al-Hanafi, 155. Dar Ibn Hazm.

¹⁰ al-Fiqh al-Islamiy Wa Adillatuh, (184/3). Dar al-Fikr

¹¹ Keputusan Bahtsul Masail Pengurus Wilayah Nahdlatul Ulama Jawa Timur Tentang Legalitas NU CARE LAZISNU Sebagai Amil Syar’i, 2.

¹² al-Majmuk Syarh al-Muhazzab, (165/6).

¹³ al-Zawajir An Iqtiraf al-Kaba’ir, (297/1). Dar al-Fikr.